

bah

- DRAF PERISYTIHARAN RAJA-RAJA SEDANG DIUBAH SESUAI  
Mahathir - Etika

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Perisytiharan Raja-raja belum boleh diumumkan kerana ia masih memerlukan beberapa perubahan.

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO berkata Raja-raja Melayu, pada perjumpaan dengan perwakilan Majlis Tertinggi UMNO pada 25 April lepas, telah mengemukakan beberapa cadangan.

+Dengan itu, beberapa perubahan sedang dibuat ke atas draf tersebut sebelum perwakilan Majlis Tertinggi UMNO mengadakan satu lagi perjumpaan dengan Raja-raja Melayu, + katanya pada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO, yang memakan empat jam.

Pada 25 April lepas, perwakilan Majlis Tertinggi UMNO yang diketuai oleh salah seorang daripada Naib Presidennya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, telah membentangkan draf perisytiharan itu kepada Raja-raja Melayu di Istana Negara.

Draf 12 muka surat itu, yang pada mulanya dikenali sebagai Tatacara Perilaku Raja-raja, telah ditukar namanya menjadi Perisytiharan Raja-raja pada perjumpaan tersebut, yang dihadiri oleh semua Raja Melayu kecuali Sultan Kedah, Sultan Kelantan dan Sultan Johor.

Bagaimanapun, ketiga-tiga Sultan yang tidak hadir itu dilaporkan pada prinsipnya sudah menyatakan persetujuan dan akan meneliti laporan terakhir draf itu. -- Lagi

▼02/05/16-09MST

U PB 02-05 00164 BA291

bah

Mahathir - Etika 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, selain Perisytiharan Raja-raja dan Hukum Hudud, mesyuarat hari ini juga membincangkan kedudukan ekonomi negara dan harta milik UMNO.

Katanya, UMNO akan membawa kes tuntutan harta milik parti itu ke mahkamah secepat mungkin memandangkan ia telah berjaya mengumpul sebanyak 678,153, deklarasasi daripada anggota UMNO lama.

Katanya, jumlah itu melebihi setengah daripada jumlah anggota UMNO lama sebanyak 1.2 juta orang, dan ini akan membolehkan parti itu membuat tuntutan untuk mendapatkan balik hartanya yang dibekukan setelah parti itu diistihar tidak sah oleh Mahkamah tinggi pada 1988.

+Pada masa ini sukar bagi UMNO menilai hartanya kerana harga yang semakin meningkat. Bagaimanapun, hutang parti semakin bertambah kerana faedah bank yang ditanggung akibat pembekuan harta UMNO+, katanya.

+Pindakan harus diambil secepat mungkin untuk mengatasi masalah tersebut dan UMNO akan menggunakan wang tunai sejumlah \$200 juta yang masih disimpan oleh pemegang harta untuk membayar hutang tersebut, + katanya. -- Lagi

▼02/05/16-37MST

CNS3201

U PB 02-05 00134 BA292

ban

Mahathir - Etika 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri, berkata memandangkan kemelesetan ekonomi yang dihadapi rakan dagang Malaysia seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun, rakyat di negara ini perlu mempertingkatkan lagi kecekapan dan produktiviti mereka supaya pertumbuhan ekonomi berjalan lancar.

Katanya, sebagai sebuah negara yang bergantung kepada dagangan, kemelesetan ekonomi rakan dagang membawa kesan buruk pada pertumbuhan ekonomi di negara ini.

Oleh itu, para Menteri Besar telah diarahkan untuk memastikan pentadbiran mereka berjalan lancar supaya segala projek dapat berjalan dengan baik dan membantu perkembangan ekonomi negara.

Dr Mahathir juga berkata mesyuarat telah mengucapkan tahniah kepada UMNO Terengganu di atas kejayaannya pada pilihan raya kecil Bukit Payong baru-baru ini dan juga kepada pasukan keselamatan yang telah memastikan keselamatan para pengundi terjamin. -- Bernama

▼02/05/16-37MST